

## EVIC UMS Lancar Kemudahan Dan Perkhidmatan Baru

Terakhir dikemaskini: Jumaat, 26 Julai 2019 09:28 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 177

[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**JUMAAT, 26 JULAI –**  
**EcoCampus Visitor Information Centre (EVIC)**  
 Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan kemudahan dan perkhidmatan baharu bagi memudahkan serta menarik lebih ramai pengunjung dalam dan luar negara untuk melawat kampus UMS.

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Datuk K Y Mustafa berkata, pelancaran ini merupakan satu langkah ke hadapan bagi bidang pelancongan universiti.

“Dengan kemajuan teknologi masa kini, inisiatif seumpama ini amat baik untuk dibangunkan sebagai aplikasi mudah alih yang digunakan oleh pengunjung bagi capaian secara mudah maklumat pelancongan semasa lawatan dalam universiti.

“Kami berharap kemudahan dan lokasi lawatan terbaru termasuk yang sedia ada akan membantu meningkatkan pengalaman pelancongan yang bernilai buat para pengunjung,” katanya ketika berucap merasmikan pelancaran kemudahan dan perkhidmatan baharu tersebut di Pantai ODEC, UMS.

Beliau turut memaklumkan bahawa peningkatan yang agak ketara berlaku bagi jumlah pelawat antarabangsa sejak dua tahun ini dengan para pelawat begitu teruja untuk mengunjungi tempat-tempat menarik dalam kampus seperti Masjid UMS, Muzium Perubatan UMS, Muzium di Bangunan Canselor, serta Akuarium dan Muzium Marin UMS.

“Difahamkan pada masa ini UMS menerima pelawat dalam lingkungan 800 sehingga 1000 orang sehari, dan ini sesuatu yang baik dan mampu membantu pihak UMS untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk menyambung pengajian di sini,” katanya.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, UMS dan UMS Investment yang mengendalikan EVIC sentiasa mengadakan kerjasama erat bagi memastikan UMS dan UMS Investment

mampu mendepani cabaran terutama keadaan ekonomi semasa.

“Pusat Sehenti EVIC adalah salah satu contoh terdekat bagi kerjasama erat yang memberi kelebihan serta manfaat buat kedua-dua pihak.

“Kami berharap kerjasama ini akan terus berpanjangan bagi memastikan kemajuan UMS khususnya dalam industri pelancongan akan berkembang dengan pantas dalam masa terdekat,” ujar beliau.

Dalam acara tersebut, Datuk K Y Mustafa dan Prof. Datuk Dr. D Kamarudin telah menandatangani plak sebagai gimik pelancaran kemudahan dan perkhidmatan baharu EVIC, sebelum dibawa melawat ke Masjid UMS dan Pantai ODEC menggunakan kenderaan *buggy* serta menikmati makan malam dalam suasana matahari terbenam di Pantai ODEC.

Hadir sama pada majlis tersebut Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul; Pengurus Besar Kumpulan UMS Investment Holdings Sdn. Bhd., Yusak Yumboris; dan pegawai-pegawai utama serta pegawai kanan universiti.